



GARISPANDUAN BAGI *DOMESTIC RUNNERS* SEMASA FASA AWAL ENDEMIK

UMUM

Domestic Runners adalah mereka yang memberi perkhidmatan berikut, sama ada sepenuh masa atau separuh masa (full-time atau part-time), secara domestik di dalam Negara Brunei Darussalam, iaitu:-

- a. Individu yang memberikan perkhidmatan *runners* secara persendirian kepada orang awam, *home based businesses* dan syarikat-syarikat berdaftar seperti restoran dan lain-lain jenis perniagaan;
- b. Individu yang bertugas sebagai pekerja di bawah syarikat-syarikat yang berdaftar untuk memberikan perkhidmatan *runners*; atau
- c. Pekerja yang ditugaskan untuk memberikan perkhidmatan penghantaran (delivery services) di bawah syarikat berdaftar seperti restoran, pasar raya atau perniagaan yang lain.

TUJUAN

Dokumen ini adalah sebagai panduan kepada *domestic runners* mengenai protokol operasi semasa fasa awal endemik yang bermula pada 15 Disember 2021. Ianya juga memberikan panduan bagi *domestic runners* yang mengalami gejala COVID-19 atau pernah berhubung rapat dengan mereka yang dijangkiti COVID-19 semasa menjalankan perkhidmatan penghantaran.

RINGKASAN SITUASI

Domestic runners diperlukan untuk mematuhi arahan dan panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa lain yang berkaitan, termasuk yang digariskan dalam garis panduan ini. Jika didapati bersalah, *domestic runners* berkenaan boleh dikenakan penalti di bawah Akta Penyakit Berjangkit, Cap 204.

GARIS PANDUAN *DOMESTIC RUNNERS* SEMASA SITUASI COVID-19

1. *Domestic runners* dikehendaki untuk mendaftar melalui laman web Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) di <http://www.mtic.gov.bn/pendaftaran> dengan memberikan maklumat lengkap dan terkini termasuk nama penuh, nombor kad pengenalan pintar, alamat rumah, alamat e-mel, nombor telefon bimbit, nombor pendaftaran kenderaan, nombor Bru-HIMS, maklumat vaksinasi COVID-19 (tarikh dos pertama dan kedua) dan nama syarikat/perniagaan (jika berkaitan). Tidak ada bayaran dikenakan untuk pendaftaran.
 - a. *E-Notification* akan dihantar ke emel yang diberikan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

- b. *Domestic runners* boleh mendaftarkan seberapa banyak kenderaan yang akan digunakan untuk melaksanakan perkhidmatan penghantaran mereka dengan syarat kenderaan tersebut mempunyai pendaftaran yang sah (termasuk insurans, lesen kenderaan dan lesen memandu).
 - c. *Domestic runners* yang berdaftar dikehendaki untuk mengemaskini maklumat mereka setiap enam (6) bulan, atau lebih awal jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat awal yang didaftarkan. Ini termasuk kenderaan yang akan digunakan untuk menyediakan perkhidmatan penghantaran.
2. *Domestic runners* yang berdaftar boleh menunjukkan *e-Notification* jika diperlukan bagi mengesahkan mereka berdaftar dengan MTIC dan menunjukkan bukti transaksi seperti arahan majikan atau pelanggan atau tempahan untuk perkhidmatan penghantaran menggunakan komunikasi elektronik sebagai contoh melalui Whatsapp, email.
3. *Domestic runners* yang berdaftar adalah dihadkan kepada penghantaran barangan di dalam Negara Brunei Darussalam sahaja dan tidak dibenarkan meninggalkan negara ini.
4. *Domestic runners* yang berdaftar dikehendaki untuk memastikan peranti mudah alih mereka dilengkapi dengan Aplikasi BruHealth dan memastikan kod BruHealth berwarna hijau hanya sebelum menjalankan perkhidmatan penghantaran.
5. *Domestic runners* yang berdaftar dikehendaki untuk mengemaskini status kesihatan mereka melalui *BruHealth Self-Assessment Application* semasa menjalankan perkhidmatan penghantaran mereka dan mereka juga digalakkan untuk menjalani ujian COVID-19.
6. *Domestic runners* yang berdaftar juga dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut semasa menjalankan perkhidmatan penghantaran:
 - a. Untuk memakai *face mask*.
 - b. Tidak berkongsi peralatan termasuk alat tulis.
 - c. Menggunakan teknologi untuk berkomunikasi dengan pelanggan.
 - d. Menghadkan *face-to-face contact* semasa penghantaran atau mengamalkan perkhidmatan penghantaran secara *contactless*.
 - e. Mengamalkan penjarakkan sosial iaitu mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 2 meter (6 kaki) atau lebih dengan orang lain.
 - f. Kerap membasuh tangan atau menggunakan pembersih tangan berasaskan alcohol (hand sanitiser).
 - g. Semua *domestic runners*, tanpa mengira status vaksinasi, dikehendaki untuk menjalani ujian ART dua (02) kali seminggu. Ujian ART boleh dilakukan oleh *domestic runners* secara persendirian tanpa perlu pergi ke mana-mana ART Certification Centres yang diakui oleh Kementerian Kesihatan. Hasil ART mereka dimastikan untuk dimuat naik pada aplikasi Bruhealth setiap kali mereka melakukan ART COVID-19 iaitu dua (02) kali seminggu.
 - h. Digalakkan untuk mendapatkan vaksin *booster* sebaik sahaja layak selepas selesai mendapatkan dos kedua.
7. *Domestic runners* yang berdaftar dinasihatkan untuk:
 - a. Melengkapkan vaksin COVID-19 mereka sebelum menjalankan perkhidmatan penghantaran (sekurang-kurangnya 2 minggu selepas mendapatkan dos kedua vaksin COVID-19).

- b. Kekal berada di dalam kenderaan sementara menunggu barangan dimasukkan ke dalam kenderaan.
 - c. Menunggu di kawasan yang berasingan yang ditetapkan jika disediakan untuk mengelakkan *close contact* dengan orang lain.
 - d. Sentiasa bawa pendaftaran *e-Notification* yang dikeluarkan oleh MTIC semasa menjalankan perkhidmatan penghantaran.
8. *Domestic runners* berdaftar yang disahkan positif COVID-19 menggunakan Antigen Rapid Test (ART) dianggap sebagai kes positif dan perlu menjalani kuarantin. *Domestic runners* hanya boleh menyambung semula perkhidmatan mereka selepas mereka disahkan negatif dan selepas selesai menjalani Perintah Kuarantin mengikut protokol kesihatan yang terkini. Protokol Kesihatan terkini bagi COVID-19 boleh didapati di laman web Kementerian Kesihatan <https://www.moh.gov.bn/SitePages/COVID>.

- **SELESAI** -